

Headline	Usahawan Melayu perlu GLC		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	407,786
Page No	18	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	233 cm ²
Journalist	Ibrahim Isa ibrahim	AdValue	RM 8,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,816



Usahawan Melayu perlu GLC

■ Syarikat berkaitan kerajaan digesa labur di wilayah pembangunan baru

Oleh Ibrahim Isa

ibrahim_isa@mediapri-

ma.com.my

Johor Bahru

Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu melabur di kawasan bandar dan wilayah ekonomi baru di negara ini bagi memastikan usaha kerajaan membantu usahawan Melayu mencapai sasaran.

Ini kerana tanpa bantuan GLC kawasan ekonomi baru seperti Iskandar Malaysia dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dikhuatir akan dimonopoli syarikat bukan Bumiputera dan luar negera sama seperti hampir semua pusat bandar dan ibu kota sekarang ini.

Kedua-duanya menyebabkan usahawan Bumiputera sering gulung tikar kerana perlu bersaing dengan syarikat lebih besar, tunduk dengan tekanan harga sewa tinggi serta memperoleh bahan mentah pada harga lebih tinggi.

Pengerusi Persatuan Pe-

labur Strategik Melayu Malaysia Norizam Tukiman berkata, kebelakangan ini beberapa syarikat GLC dengan bangga mengumumkan beberapa milikan hartanah di luar negara bernilai berbilion ringgit.

Katanya, walaupun keadaan itu membuktikan syarikat berkenaan mampu membuat pelaburan di negara asing dalam jumlah besar, namun ia juga merugikan rakyat negara ini terutama Melayu.

Menurutnya, syarikat seperti Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sepertinya melabur dalam bidang hartanah di bandar besar negara ini seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru termasuk Iskandar Malaysia dan ECER.

“Sebagai syarikat yang berdaya saing dan menarik keuntungan tinggi,

mereka juga sepertinya memikirkan kepentingan milikan Bumiputera di dalam negara terutama kawasan bandar dan membangun.

“Mungkin, peniaga perseorangan Bumiputera sukar membuat pelaburan besar di kawasan berkenaan, namun syarikat GLC ini sebenarnya mampu dan kehadiran mereka penting untuk survival Melayu di kawasan itu.

“Bayangkan, pembangunan di sepanjang pesisir pantai Lido di Iskandar Malaysia kini direbut syarikat tempatan bukan Bumiputera dan syarikat asing, sedangkan syarikat Bumiputera terpinggir,” katanya.

Menurutnya, apabila ini berlaku sudah pasti kepentingan Melayu akan dipenggal dengan harga yang dijual lebih mahal,

tiada premis perniagaan untuk Bumiputera hingga menyebabkan Melayu atau lebih tepat penduduk asal hanya mampu melihat pembangunan itu dari jauh.

Katanya, sekiranya FELDA, Tabung Haji atau GLC lain melabur di kawasan berkenaan, tidak mustahil mereka boleh memberikan sewa premis perniagaan pada kadar lebih munasabah.

Headline	Usahawan Melayu perlu GLC		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	29 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	407,786
Page No	18	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	233 cm ²
Journalist	Ibrahim Isa ibrahim	AdValue	RM 8,605
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,816



“ Pembabitan mereka penting bagi memastikan keseimbangan pembangunan dan ekonomi di Malaysia”

Norizam Tukiman